

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**


**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **YBhg. Tan Sri Datuk Panglima Haji Annuar bin Musa**  
**KAWASAN** : **KETEREH**  
**NO. SOALAN** : **58**

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan eksport dan import negara akibat kejatuhan Ringgit yang melanda dan apakah strategi yang telah diambil bagi mengawal pasaran tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Secara umumnya, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia (RM) bermula lewat separuh ke-2 tahun 2014 seiring dengan kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi utama global. Walau bagaimanapun, prestasi perdagangan Malaysia kekal berdaya tahan pada kadar pertumbuhan yang rendah.



Dalam tempoh 2014 - 2016, semasa kejatuhan nilai Ringgit, Malaysia masih mencatatkan peningkatan pertumbuhan yang positif walaupun pada skala yang lebih kecil berbanding tahun-tahun sebelumnya. Tahun 2014 mencatatkan sebanyak RM1,448.35 bilion jumlah dagangan dengan peningkatan sebanyak 5.8% berbanding tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2015 sebanyak RM1,463.13 bilion dijana dengan kenaikan sebanyak 1.0% dan tahun 2016 pula, sebanyak RM1,484.6 bilion jumlah dagangan telah direkodkan dengan kenaikan sebanyak 1.5%.

Dari segi imbangan perdagangan pula, Malaysia telah mencatatkan lebihan dagangan buat kali ke-19 berturut-turut sejak tahun 1998 sehingga 2016.

Berdasarkan analisa, pengeksport cenderung mendapatkan manfaat yang lebih berbanding pengimport kesan daripada kejatuhan nilai Ringgit. Selain itu, impak kejatuhan nilai Ringgit juga adalah berbeza mengikut industri. Sebagai contoh, kesan penyusutan nilai Ringgit dapat dilihat dalam industri pembuatan berasaskan sumber yang diimport seperti sektor jentera, automotif dan barang makanan termasuk produk tenusu yang

menggunakan bahan mentah diimport dan menyebabkan peningkatan kos pembuatan. Manakala bagi industri perabot berasaskan kayu, minyak sawit dan sarung tangan getah, susut nilai Ringgit telah meningkatkan pendapatan eksport kerana kebanyakan input yang digunakan adalah daripada sumber tempatan.

Secara keseluruhannya, kejatuhan nilai Ringgit telah meningkatkan daya saing eksport bagi sektor berasaskan sumber tempatan manakala barang berdasarkan import mengalami kenaikan harga.

### **Tuan Yang Di Pertua,**

Bagi memastikan negara terus kukuh berdaya saing di peringkat antarabangsa, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan pada tahun 2016. MITI melalui MATRADE telah melaksanakan 150 program yang terdiri dari program promosi eksport dan program pembangunan pengeksport.

Selain dari program sedia ada seperti Pameran Perdagangan Antarabangsa dan Misi Akselerasi Eksport, fokus juga diberikan kepada Program Penyumberan Antarabangsa (*International Sourcing Programme*) yang akan membawa pembeli luar negara ke Malaysia. Program ini dianjurkan sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS), Pameran Perdagangan Antarabangsa (INTRADE), *Malaysian International Furniture Fair (MIFF)*, *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM)* dan *Offshore Technology Conference Asia (OTC Asia)*.

Dalam mengeksplorasi peningkatan permintaan dan peluang di dalam sektor e-dagang, MATRADE juga menyediakan program E-Dagang atau eTRADE bagi membantu syarikat Malaysia memasarkan produk secara online melalui platform e-dagang antarabangsa.

Di samping itu, MATRADE turut menyalurkan informasi dan analisa pasaran tepat pada masanya untuk membolehkan syarikat Malaysia berdaya saing di pasaran antarabangsa dan meningkatkan peluang eksport mereka. Informasi dan analisa ini boleh diperolehi melalui Perpustakaan Perniagaan MATRADE, Portal MATRADE, *MyExport*, *Trade Leads* dan notis tender antarabangsa. Tambahan pula, MATRADE menerbitkan direktori dan buku-buku panduan serta menyebarkan maklumat melalui laman web dan berita dalam talian.

Selain itu, MATRADE turut menyediakan khidmat nasihat perdagangan yang berfokuskan pasaran dan kesesuaian produk untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia terutamanya PKS menembusi pasaran global yang semakin mencabar.

Kementerian juga menyarankan agar syarikat Malaysia mempertimbangkan kaedah perlindungan nilai mata wang (*hedging*) dan menggunakan mata wang alternatif seperti mata wang Renminbi (RMB) dalam transaksi perdagangan dengan negara China. Syarikat Malaysia juga dinasihatkan agar mengurangkan komponen sumber luar (sumber import) dan menggunakan sumber tempatan dalam penghasilan barang.